

# Pilih kursus yang tepat

► PPIB UMSKAL beri taklimat penawaran kursus wajib, elektif bahasa

UB 8.9.13 B2

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com

**LABUAN:** Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) telah memberikan taklimat penawaran kursus wajib universiti dan pilihan bahasa kepada 714 pelajar baharu yang baru mendaftarkan diri untuk pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Antarabangsa Labuan (KAL).

Penyelaras PPIB UMSKAL, Dr Loi Chek Kim, menjelaskan setiap pelajar perlu mengambil kursus yang ditawarkan di pusat itu sebanyak 20 jam kredit sepanjang pengajian untuk melayakkan mereka lulus ijazah sarjana muda.

"PPIB adalah pusat yang mengendalikan pengajian bagi kursus wajib universiti seperti Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan Asia serta Asas Pembudayaan Keusahawanan beserta bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa asing lain," kata Dr Loi.

Bahasa asing yang ditawarkan sebagai pilihan ialah bahasa Jepun, Mandarin, Arab, Tamil dan Perancis yang melibatkan dua jam kredit.

Kursus bahasa Inggeris ditawarkan bertahap

bergantung pencapaian pelajar dalam ujian bahasa Inggeris bagi kemasukan universiti manakala bahasa Melayu hanya ditawarkan kepada pelajar antarabangsa. Terdapat 35 pelajar antarabangsa mendaftarkan diri untuk pengajian di UMSKAL yang keseluruhannya berasal dari China.

Dalam pengambilan kursus bahasa asing pilihan, Dr Loi mengingatkan pelajar agar membuat pilihan yang tepat kerana kesilapan dalam memilih kursus bahasa asing boleh mengakibatkan kegagalan pelajaran matematik

pengajian menurut tempoh yang ditetapkan.

Terdapat dua sekolah pengajian di UMSKAL melibatkan Sekolah Sains dan Informatik Labuan (SSIL) dan Sekolah Perniagaan dan

**“Setiap pelajar perlu mengambil kursus yang ditawarkan di pusat itu sebanyak 20 jam kredit sepanjang pengajian untuk melayakkan mereka lulus ijazah sarjana muda. PPIB adalah pusat yang mengendalikan pengajian bagi kursus wajib universiti seperti Hubungan Etnik, Tamadun Islam dan Asia serta Asas Pembudayaan Keusahawanan beserta bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa asing lain.”**

**DR LOI CHEK KIM**

Penyelaras PPIB UMSKAL

Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) yang ditadbir di bawah Pengarah, Prof Madya Dr Ismail Ali dan Timbalan Pengarah, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal.



Gambar atas  
Timbalan  
Naib Canselor  
bersama  
Dr Puteri  
melawat pusat  
pendaftaran.



Gambar kiri  
Felo sedang  
membantu  
persiapan  
koperasi CD  
Mart.

Gambar di bawah  
**PELAJAR**  
baharu sedang  
mendaftar  
secara online  
di dewan Kolej  
Kediaman CD.



INISIATIF pembimbing CD membantu penghantaran beg pelajar baharu.

